

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR
(N07 BATANG KALI)**

TAJUK : KAJIAN KENAIKAN ELAUN GURU KAFA

141. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan bercadang untuk menaikkan elaun guru-guru KAFA di Selangor?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan akan meneliti keperluan berdasarkan kemampuan kewangan semasa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR
(N07 BATANG KALI)**

TAJUK : STATUS TANAH MILIK YAYASAN BASMI KEMISKINAN DI SERENDAH

142. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status tanah tersebut?
- b) Apakah ada rancangan pembangunan di atas tanah tersebut?
- c) Apakah ada rancangan untuk membina satu universiti awam IPTA sebagai contoh UiTM seperti telah dicadangkan sebelum ini di kawasan tersebut?

JAWAPAN:

- a) Tanah tersebut adalah hakmilik yang didaftarkan di atas nama Permodalan YBK Sdn. Bhd. seluas 1605.65 ekar
- b) Merujuk kepada Rancangan Tempatan Daerah Hulu Selangor, RDTHS (Pengubahan 3) 2020, tapak tersebut telah dizonkan sebagai Zon Perumahan. Pihak Pejabat Daerah/Tanah Hulu Selangor (PDTHS) dan Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) masih belum menerima sebarang permohonan Kebenaran Merancang bagi tujuan pembangunan. Pihak pemaju di dalam proses penyediaan pelan pembangunan dan mendapatkan jalan keluar masuk yang sah ke tapak dari Pentadbir Tanah Hulu Selangor.
- c) Sehingga 21 Oktober 2019, pihak Kerajaan Negeri tidak mempunyai sebarang maklumat rasmi dan belum menerima sebarang permohonan daripada mana-mana pihak untuk mendirikan institusi pengajian tinggi di atas tanah tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR
(N07 BATANG KALI)**

TAJUK : PROGRAM HARI TANPA KENDERAAN

143. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah perbelanjaan yang diluluskan sebelum ini bagi setiap daerah?
- b) Apakah keberkesannya terhadap alam sekitar dan juga pengguna jalan raya?
- c) Adakah program ini telah menjadi aktiviti tahunan di setiap daerah? Jika ia apakah kesan impak terhadap peruntukan negeri?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Teknologi Hijau Negeri Selangor amat menggalakkan pelaksanaan Program Hari Tanpa Kenderaan. Program ini adalah merupakan inisiatif yang dijalankan oleh Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor bagi mencapai sasaran penurunan karbon di kawasan bandar. Sehubungan itu, sebanyak sembilan (9) PBT telah menganjurkan Program Hari Tanpa Kenderaan pada tahun 2019. Butiran terperinci berkaitan penganjuran dan kos perbelanjaan adalah seperti berikut:

BIL.	PBT	PERBELANJAAN PROGRAM HARI TANPA KENDERAAN TAHUN 2019 (RM)
1.	MBSA	300,000.00
2.	MBPJ	210,000.00
3.	MPK	TIADA
4.	MPSJ	15,150.00
5.	MPS	40,000.00

BIL.	PBT	PERBELANJAAN PROGRAM HARI TANPA KENDERAAN TAHUN 2019 (RM)
6.	MPAJ	47,895.70
7.	MPKJ	20,000.00
8.	MPSP	50,000.00
9.	MDKL	TIADA
10.	MDKS	13,000
11.	MDHS	35,000.00
12.	MDSB	TIADA
JUMLAH		731,045.70

- b) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, keberkesanan pelaksanaan Program Hari Tanpa Kenderaan terhadap alam sekitar dan juga pengguna jalan raya adalah seperti berikut:
- i. Hari Tanpa Kenderaan merupakan sebahagian daripada program Low Carbon City Framework (LCCF) bagi mencapai sasaran pengurangan karbon (Co2) kepada 45% pada tahun 2030;
 - ii. Program Hari Tanpa Kenderaan merupakan salah satu usaha dalam mendidik masyarakat untuk mengamalkan gaya hidup yang sihat;
 - iii. Penganjuran Program Hari Tanpa Kenderaan jelas menunjukkan kesan langsung terhadap kualiti udara di kawasan sekitar; dan
 - iv. Penganjuran Program Hari Tanpa Kenderaan akan diisi dengan pelbagai aktiviti-aktiviti berkaitan kesedaran alam sekitar dan gaya hidup sihat kepada semua pengunjung sebagai usaha bagi menarik minat pengunjung.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri amat menggalakkan PBT untuk melaksanakan Program Hari Tanpa Kenderaan pada

setiap tahun. Pelaksanaan program ini sangat memberi impak terhadap alam sekitar dan seterusnya mendidik masyarakat tentang amalan gaya hidup sihat.

Dengan berlandaskan objektif yang jelas, Program Hari Tanpa Kenderaan kini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan dari semua lapisan masyarakat. Justeru, pada tahun hadapan Kerajaan Negeri akan terus menyokong usaha PBT agar meneruskan pelaksanaan Program Hari Tanpa Kenderaan ini dengan menggunakan peruntukan PBT masing-masing.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR
(N07 BATANG KALI)**

TAJUK : PENDAWAIAN ELETRIK DI SEKOLAH AWAM

144. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Terdapat sekolah bantuan kerajaan yang mempunyai sistem pendawaian yang teruk dan beri risiko tinggi kepada kebakaran litar pintas. Adakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan satu badan khas bagi menilai dan menyemak kembali sekolah sekolah ini supaya ianya selamat bagi murid-murid?

JAWAPAN:

- a) Isu pendawaian elektrik di sekolah-sekolah memang merupakan isu yang kritikal. Jabatan Pendidikan Negeri Selangor sentiasa meletakkan isu pendawaian elektrik di sekolah sebagai keutamaan utama untuk ditangani. Untuk itu, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor telah memohon peruntukan bagi tahun 2020 bagi pendawaian elektrik sahaja sebanyak RM25 juta kepada Kementerian Pendidikan Malaysia bagi menyelesaikan isu pendawaian. Jika diluluskan, Jabatan Kerja Raya selaku Jabatan Teknik akan melaksanakan pembaikan sekolah-sekolah.

Sebagai makluman, Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor sentiasa melaksanakan pemantauan dan pemeriksaan terhadap pendawaian elektrik di sekolah-sekolah. Jabatan Pendidikan Negeri Selangor percaya dan yakin Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor berkebolehan dalam memastikan isu pendawaian elektrik di sekolah-sekolah di Negeri Selangor ini berada di dalam keadaan yang baik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR
(N07 BATANG KALI)**

TAJUK : PEGAWAI KEMAS

145. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Penglibatan Pegawai Kemas Daerah dalam kebanyakan aktiviti yang dianjurkan oleh guru-guru Tadika Kemas dan telah dihadiri oleh ADUN tidak dihadiri oleh mereka. Mengapa hal ini boleh berlaku?

JAWAPAN:

- a) Terlebih dahulu bagi pihak Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) memohon kemaafan atas perkara yang berlaku dan merakamkan ucapan jutaan terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat sudi hadir ke program yang dilaksanakan oleh TABIKA KEMAS khususnya di DUN Batang Kali.

Sebagai makluman Yang Berhormat Aktiviti Taman Bimbingan Kanak-kanak (TABIKA) dan Taman Asuhan Kanak-kanak(TASKA) di Parlimen Hulu Selangor/Daerah Hulu Selangor pecahan seperti berikut:

BIL	DUN	BIL TABIKA	BIL TASKA
1.	N05 Hulu Bernam	13	2
2.	N06 Kuala Kubu Baharu	13	1
3.	N07 Batang kali	49	1
JUMLAH		75	4

Untuk makluman Yang Berhormat surat jemputan adalah terus dari Pengerusi Tabika dan Jawatankuasa Tabika kepada Yang Berhormat tidak melalui pejabat KEMAS Daerah Hulu Selangor,namun begitu didapati pada tarikh dan masa yang sama semua Pegawai diwajibkan hadir program jabatan yang telah dirancang awal seperti **Lampiran** .

Pihak Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)sangat menggalakkan dan mengalu-alukan kehadiran yang Berhormat ke program Tabika /jabatan sekaligus berpeluang merapatkan hubungan pimpinan kerajaan bersama masyarakat setempat .

Sekali lagi bagi pihak jabatan mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat atas keprihatinan hadir ke program Tabika KEMAS di daerah Hulu Selangor terutama di DUN Batang Kali

LAMPIRAN

AKTIVITI TABIKA KEMAS N07 BATANGKALI YANG DIHADIRI YANG BERTITAH ADUN

BIL	NAMA PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	KEHADIRAN VIP	KEHADIRAN PEGAWAI KEMAS/WAKIL	CATATAN
1.	Majlis Gotong-royong & Bacaan Yassin	21/4/2019	TABIKA KEMAS Kg Sg Buaya 2	YB Tuan Harumaini bin Hj Omar ADUN Batang Kali	-TIADA-	Semua Pegawai KEMAS menghadiri Kursus Pemantapan Organisasi & Jatidiri KEMAS pengurusan Negeri dan daerah (semenanjung) di Kem Permata Resort Alor Gajah Melaka.
2.	Jamuan Hari Raya Tabika	21/6/2019	TABIKA KEMAS Pintar Taman Seroja	YB Tuan Harumaini bin Hj Omar ADUN Batang Kali	-TIADA-	Semua pegawai KEMAS ke Program Demontrasi Masyarakat bersama pengurusan tertinggi KEMAS(KPLB) di kampung Bukit Changgang Sepang dirasmikan oleh Y.B Datuk Seri Rina Harun, Menteri Pembangunan Luar Bandar
3.	Sambutan Hari Kemerdekaan (dilaksanakan Serentak)	31/8/2019	TABIKA KEMAS Surau Ar Raudhah Taman Widuri	YB Tuan Harumaini bin Hj Omar ADUN Batang Kali	-TIADA	Pegawai KEMAS Daerah tidak mendapat maklumat berhubung kehadiran YB Tn Harumaini ke program Kemerdekaan di Surau Ar Raudhah.
4.	Hari Sukan Negara	20/10/2019	TABIKA KEMAS Seri Ros Tapak Futsal Perodua	YB Tuan Harumaini bin Hj Omar ADUN Batang Kali	Pn.Suzawati binti Misiran Penyelia Pendidikan Awal Kanak-kanak	Pegawai KEMAS Daerah telah mewakilkan Penyelia Pendidikan Awal kanak-kanak iaitu Puan Suzawati bt Misiran untuk hadir ke program memandangkan beliau mempunyai urusan keluarga iaitu urusan perubatan suami yang sakit.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR
(N07 BATANG KALI)**

TAJUK : JELAJAH USAHAWAN SELANGOR ATAU MEXUS

146. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai cadangan untuk membantu para usahawan kecil ini mendapatkan tapak niaga di lokasi yang sesuai supaya dapat membantu mereka menjana pendapatan yang stabil setiap bulan?

JAWAPAN:

- a) Dalam membantu para usahawan Negeri Selangor menjana pendapatan yang stabil pada setiap bulan, Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah menyenaraikan lokasi tapak usahawan, tapak bazaar, tapak pasar malam dan tapak *uptown* di seluruh Negeri Selangor mengikut DUN seperti berikut:

PBT	DUN	Jenis tapak (usahawan, bazar, pasar malam dan uptown)	Lokasi
MBSA	-	<u>Uptown</u> Uptown Shah Alam	Seksyen 24
	-	<u>Tapak Bazar</u> Bazarena	Seksyen 13
	-	<u>Tapak Usahawan</u> Souq As Salam, Tingkat Atas	Pasar Moden Seksyen 6
	-	<u>Tapak Pasar Malam/ Pagi</u> 26 lokasi pasar malam dan 6 lokasi pasar pagi	Lampiran 1
MBPJ	Seperti di Lampiran 2		
MPK	Seperti di Lampiran 3		
MPAJ	Seperti di Lampiran 4		
	Subang Jaya	Bazar Ramadhan	USJ 7, Subang Jaya USJ 4, Subang Jaya USJ 1 (Pangsapuri Angsana) Pinggiran USJ Batu Tiga, Subang Jaya Putra Heights SS13, Subang Jaya
		Tapak Pasar Malam	USJ 1 (Angsana) SS 13

PBT	DUN	Jenis tapak (usahawan, bazar, pasar malam dan uptown)	Lokasi
MPSJ			USJ 1 (Regallia) Taman Bt 3, Shah Alam Putra Heights
		Tapak Pasar Pagi	PJS 7 USJ 10 USJ 6
	Seri Serdang	Bazar Ramadhan	Tmn Puchong Perdana Tmn Puchong Permai Tmn Puchong Prima Taman Puchong Utama Puchong Utama Puchong Indah Taman Seri Serdang Taman Pinggiran Putra Taman Equine Taman Puncak Jalil Taman Lestari Putra Lestari Perdana
		Tapak Pasar Malam	Taman Puchong Indah Bt 14, Puchong Puchong Utama (JPN) Puchong Prima Taman Seri Serdang Taman Saujana Puchong Taman Lestari Perdana Serdang Raya Perindustrian Bukit Serdang
		Tapak Pasar Pagi	Taman Puchong Indah Taman Universiti Indah
		Uptown	Puchong Permai Puchong Prima Maju Jaya
	Kinrara	Bazar Ramadhan	Taman Wawasan, Pusat Bandar Puchong Bandar Kinrara Sek 5 Tmn Tenaga Taman Kinrara Sek 4
		Tapak Pasar Malam	Taman Perindustrian Kinrara Taman Bukit Kuchai
		Tapak Pasar Pagi	Taman Wawasan Batu 14

PBT	DUN	Jenis tapak (usahawan, bazar, pasar malam dan uptown)	Lokasi
			Tmn Kinrara Sek 1 Tmn Kinrara sek 3 Bandar Puchong Jaya
	Seri Kembangan	Tapak Pasar Malam	Taman Puncak Jalil Taman Pinggiran Putra Taman Universiti Indah Pusat Perdagangan Seri Kembangan
		Tapak Pasar Pagi	Pasar Borneo (Perindustrian Seri Kembangan) SK 10 SK 6
MPS	Gombak Setia	Pasar Malam	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pasar Malam Batu 6 Gombak Utara 2. Pasar Malam Taman Greenwood 3. Pasar Malam Taman Selasih Fasa 1 4. Pasar Malam Taman Bolton 5. Pasar Malam Kg. Bahtera 6. Pasar Malam Taman Sri Gombak (Sabtu) 7. Pasar Malam Taman Sri Gombak (Isnin) 8. Pasar Malam Taman Pinggiran Batu Caves 9. Pasar Malam Gombak Jaya 10. Pasar Malam Gombak Setia 11. Pasar Malam Taman Selasih Fasa 2 12. Pasar Malam Taman Samudra
	Taman Templer	Pasar Malam	<ol style="list-style-type: none"> 13. Pasar Malam Selayang Utama 14. Pasar Malam Selayang Jaya 15. Pasar Malam Selayang Indah 16. Pasar Malam Selayang

PBT	DUN	Jenis tapak (usahawan, bazar, pasar malam dan uptown)	Lokasi
			Baru 17. Pasar Malam Bandar Baru Selayang 18. Pasar Malam Prima Selayang 19. Pasar Malam Taman Bukit Idaman
	Bukit Lanjan	Pasar Malam	20. Pasar Malam Taman Indah Perdana 21. Pasar Malam Taman Daya 22. Pasar Malam Taman Sri Selayang 23. Pasar Malam Taman Ehsan 24. Pasar Malam Desa Jaya 25. Pasar Malam Taman Jasa Utama 26. Pasar Malam Kampung Melayu Sg. Buloh 27. Pasar Malam Taman KIP 28. Pasar Malam Matang Pagar 29. Pasar Malam Taman Ehsan
	Kuang	Pasar Malam	30. Pasar Malam Kundang Jaya 31. Pasar Malam Kampung Baru Kundang 32. Pasar Malam Kampung Desa Aman 33. Pasar Malam Taman Sri Putra
	Rawang	Pasar Malam	34. Pasar Malam Taman Garing Utama 35. Pasar Malam Rawang Integrated 36. Pasar Malam Taman Pelangi 37. Pasar Malam Bandar Country Homes 38. Pasar Malam Taman Bukit Rawang Jaya 39. Pasar Malam Tun Teja

PBT	DUN	Jenis tapak (usahawan, bazar, pasar malam dan uptown)	Lokasi
			40. Pasar Malam Sungai Terentang 41. Pasar Malam Taman Setia Rawang 42. Pasar Malam Batu Arang 43. Psr Mlm Bdr Tasik Puteri Jalan 8 A Medan Putri 44. Psr Mlm Bdr Tsk Puteri Blok 28 Green Square Green Valley 45. Pasar Malam Kampung Lee Kim Sai
	Gombak Setia	Uptown	46. Uptown Seri Gombak
	Rawang	Car Boot Sale	47. Car Boot Sale Bandar tasik Puteri
MPKj	Seperti di Lampiran 5		
MPSp	Dengkil	i. Pusat Penjaja ii. Kiosk iii. Car Boot Sales iv. Pasar Sari/Malam/Tani v. Pasar Ramadhan	i. Kota Warisan, UNITEN, Taman Putra Perdana ii. Sg. Merab, Desa Pinggiran Putera iii. Taman Putra Perdana iv. Taman Putra Prima, Pekan Dengkil, Desa Pinggiran Putera, Taman Mas, Taman Putra Perdana, Taman Dengkil Jaya, Kota Warisan, KLIA, MAHA Serdang v. Pekan Dengkil, Desa Pinggiran Putera, Taman Mas, Taman Putra Perdana, Taman Dengkil Jaya, Kota Warisan, Taman Ambar Cyberjaya, Sg. Merab, Desa Pinggiran Putera Taman Mas

PBT	DUN	Jenis tapak (usahawan, bazar, pasar malam dan uptown)	Lokasi
	Sg. Pelek	i. Tapak Ekspo ii. Pasar Sari/Malam/Tani iii. Pasar Ramadhan	i. Pekan Salak, Bagan Lalang ii. Sg. Pelek, Salak, Sepang, Taman Seroja iii. Sepang Putra, Sg. Pelek, Salak, Kosmopleks
	Tg.Sepat	-	-
MDKL	Sijangkang	1. Pasar Malam/Pagi 2. Pasar Awam/Kedai/Gerai/Kiosk 3. Bazar Ramadhan	1. Pasar Awam Sijangkang 2. Pasar Awam Telok Panglima Garang 3. Aked Makan Jalan Waja 4. Gerai Taman Seri Medan 5. Kiosk Taman Seri Medan 6. Pasar Malam Taman Dato Hormat 7. Pasar Malam Taman Pahlawan 8. Pasar Malam Taman Perwira 9. Pasar Pagi Taman Perwira 10. Tapak Car Booth Sale, Taman Seri Medan 11. Bazar Ramadhan Taman Seri Medan 12. Bazar Ramadhan Taman Pahlawan 13. Bazar Ramadhan Taman Dato Hormat
	Teluk Datok	1. Pasar Malam/Pagi/Tani 2. Pasar Awam/Kedai/Gerai/Kiosk 3. Bazar Uptown	1. Pasar Malam Sg Rambai 2. Pasar Malam Sg Jarum

PBT	DUN	Jenis tapak (usahawan, bazar, pasar malam dan uptown)	Lokasi
		4. Car Booth Sale 5. Bazar Ramadhan	3. Pasar Malam Banting 4. Pasar Pagi Banting 5. Pasar Malam BSP SP 4/27 6. Pasar Malam BSP SP 8/1 7. Kedai PLB Sg Manggis 8. Pasar Awam Banting 9. Bazar Banting 10. Aked Makan Persiaran Majlis 11. Aked Makan Stadium Jugra 12. Medan Selera Banting 13. Kiosk Jalan Kiambang 14. Bazar Uptown Banting 15. Pasar Tani Taman Rambai Indah 16. Tapak Car Booth Sale, Bandar Saujana Putra 17. Tapak Car Booth Sale, Jenjarom 18. Bazar Ramadhan Banting 19. Bazar Ramadhan Bandar Sg Emas 20. Bazar Ramadhan Sg Rambai 21. Bazar Ramadhan BSP
	Morib	1. Pasar Malam/Tani 2. Pasar Awam/Kedai/Gerai/Kiosk 3. Bazar Ramadhan	1. Pasar Malam Taman Sri Putra 2. Kedai PLB Simpang Morib 3. Kedai PLB Kg Endah 4. Gerai Pantai Morib dan Kelanang 5. Gerai Gerai Jalan Sultan Sulaiman 6. Kiosk Pantai Morib dan Kelanang 7. Pasar Tani Taman Banting Baru 8. Persiaran Majlis (Hadapan MDKL) 9. Bazar Ramadhan Taman Banting Baru

PBT	DUN	Jenis tapak (usahawan, bazar, pasar malam dan uptown)	Lokasi
	Tanjung Sepat	1. Pasar Malam 2. Pasar Awam/Kedai/Gerai/Kiosk 3. Bazar Ramadhan	1. Pasar Malam Bt Laut 2. Pasar Pagi Tg Sepat 3. Pasar Malam Bandar Mahkota 4. Pasar Malam Tg Sepat 5. Gerai Batu Laut 6. Pasar Awam Tg Sepat 7. Aked Makan Tg Sepat 8. Gerai Tg Sepat 9. Bazar Ramadhan Tg Sepat
MDHS	Hulu Bernam	Pasar Malam	1) Kalumpang 2) Kerling
		Uptown	1) Hulu Bernam
	Kuala Kubu Baru	Pasar Malam	1) Kuala kubu baru 2) Berhadapan Pejabat Pos, Pekan Rasa
	Batang Kali	Pasar Malam	1) Hulu Yam Bharu 2) Batang Kali 3) Jalan Orkid 1, Bukit Sentosa 4) Desa Melor. Serendah 5) Antara Gapi, Serendah 6) Taman Bunga Raya (MK Land)
		Uptown	7) Batang Kali
MDKS	Permatang	Tapak Pasar Malam	i. Pasar Malam Tanjung Karang ii. Pasar Pagi Tanjung Karang iii. Pasar Malam Pasir Penambang iv. Pasar Malam Tiram Burok
		Tapak Penjaja	i. Tapak Penjaja Pekan Tanjung Karang ii. Tapak Penjaja FAMA Tanjung Karang iii. Pasir Penambang
	Bukit Malawati	Tapak Pasar Malam	i. Pasar Malam Bandar Baru (Selasa) ii. Pasar Malam Bandar Baru (Sabtu) iii. Pasar Malam Kampung Kuantan

PBT	DUN	Jenis tapak (usahawan, bazar, pasar malam dan uptown)	Lokasi
			iv. Pasar Malam Bukit Rotan
		Tapak Penjaja	v. Tapak Penjaja Hadapan Tesco Kuala Selangor vi. Tapak Penjaja Hotel Sun Inns Kuala Selangor vii. Tapak Penjaja CIMB Kuala Selangor viii. Tapak Penjaja Buah Bermusim Hadapan SHELL Kuala Selangor ix. Tapak Penjaja Hadapan Asrama Pusat Kuala Selangor
	Ijok	Tapak Pasar Malam	i. Pasar Malam Ijok ii. Pasar Malam Bestari Jaya
		Tapak Penjaja	iii. Tapak Penjaja Simpang Tiga Ijok (Balai Polis) iv. Tapak Penjaja Simpang Tiga Ijok (Stesyen Bas) v. Tapak Penjaja Pasar Basah Ijok vi. Tapak Penjaja Pekan Bestari Jaya vii. Tapak Penjaja Pasar Basah Bestari Jaya
	Jeram	Tapak Pasar Malam/Pagi/PasarTani	i. Pasar Malam Jeram ii. Pasar Malam Puncak Alam iii. Pasar Malam Saujana Utama iv. Pasar Malam Alam Jaya v. Pasar Tani Saujana Utama vi. PasarTani Puncak Alam
		Tapak Penjaja	vii. Tapak PenjajaSaujana Utama (Zon A) viii. Tapak PenjajaSaujana Utama (Zon B) ix. Tapak PenjajaSaujana Utama (Zon C) x. Tapak PenjajaSaujana Utama (Zon C)

PBT	DUN	Jenis tapak (usahawan, bazar, pasar malam dan uptown)	Lokasi
			xi. Tapak Penjaja Lorong Az-Zaharah, Puncak Alam Fasa 2 xii. Tapak Penjaja Desa, Coalfields
MDSB	Sekinchan	Tapak Pasar Pagi / Malam.	Pekan Sekinchan
	Sungai Panjang	Tapak Pasar Pagi / Malam Tapak Penjaja Take Away / Food Truck. Tapak Pasar Malam Simpang Lima Tapak Pasar Malam Sungai Nibong Tapak Pasar Malam Merbau Berdarah Sg. Panjang Tapak Pasar Malam Bagan Terap	Pekan Sg. Besar Pekan Sg. Besar Pekan Spg Lima Pekan Sg. Nibong Sungai Panjang Pekan Bagan Terap
	Sabak	Tapak Penjaja Dataran Usahawan Sabak.	Pekan Sabak Bernam
	Sungai Air Tawar	Tapak Penjaja Dataran Tanah Lesen Parit Baru Tapak Penjaja Dataran BNO Tapak Pasar Malam Pantai BNO	Pekan Parit Baru Pekan BNO Pantai BNO

LAMPIRAN 1

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

LOKASI PASAR MALAM DAN HARI OPERASI



HARI OPERASI

BIL	LOKASI PASAR MALAM	AHAD	ISNIN	SELASA	RABU	KHAMIS	JUMAAT	SABTU
1.	PASAR MODEN SEKSYEN 6							
2.	JALAN CETAK 16/3, SEKSYEN 16							
3.	JALAN JENULUNG, SEKSYEN 17							
4.	JALAN 18/A, SEKSYEN 18							
5.	JALAN NELAYAN, SESKYEN 19							
6.	JALAN SINGA, SESKYEN 20							
7.	JALAN TIMUN 24/B, SESKYEN 24							
8.	TAMAN SRI MUDA, SEKSYEN 25							
9.	KG. BARU HICOM, SEKSYEN 27							
10.	TAMAN ALAM MEGAH, SEKSYEN 28							
11.	LORONG HAJI YUSOFF, SEKSYEN 29							
12.	LORONG HAJI SAID, SEKSYEN 30							
13.	KOTA KEMUNING, SEKSYEN 31							
14.	JALAN STERENG, SEKSYEN 34							

BIL	LOKASI PASAR MALAM	AHAD	ISNIN	SELASA	RABU	KHAMIS	JUMAAT	SABTU
15.	SUNGAI KANDIS, SEKSYEN 36							
16.	JALAN SAUJANA INDAH, SEKSYEN U2 TTDI JAYA							
17.	SEKSYEN U3 SUBANG PERDANA							
18.	JALAN U5/18A, SEKSYEN U5 MAH SING							
19.	JALAN APOLLO, SEKSYEN U5							
20.	JALAN U5/BV, SEKSYEN U5 SUBANG 2							
21.	KG.MELAYU SUBANG, SEKSYEN U6							
22.	JALAN SETIA PRIMA A U18/A, SEKSYEN U13 SETIA ALAM							
23.	TAMAN BUKIT SUBANG, SEKSYEN U16							
24.	JALAN WELFARE, KG. BARU SG. BULOH SEKSYEN U19							
25.	KG. PAYA JARAS, SEKSYEN U19							
26.	BANDAR BARU SG. BULOH, SEKSYEN U20							

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

LOKASI PASAR PAGI DAN HARI OPERASI

 HARI OPERASI

BIL	LOKASI PASAR MALAM	AHAD	ISNIN	SELASA	RABU	KHAMIS	JUMAAT	SABTU
1.	KOTA KEMUNING, SEKSYEN 31							
2.	PEKAN SUBANG, SEKSYEN U6							
3.	KG. KUBU GAJAH, SEKSYEN U17							
4.	KG. PAYA JARAS, SEKSYEN U19							
5.	JALAN WELLFARE, SEKSYEN U19							
6.	BUKIT RAHMAN PUTRA, SEKSYEN U20							

Lampiran 2 (MBPJ)

PBT	DUN	PASAR MALAM	LOKASI
MBPJ	ADUN BUKIT LANJAN Y.B PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING	PASAR MALAM	KG SG KAYU ARA 1 (ISNIN)
			JALAN TSB 9, SG BULOH(SELASA)
			PRIMA DAMANSARA (SELASA)
			KG SG KAYU ARA , JLN 5(KHAMIS)
			KG SG KAYU ARA 2 (JUMAAT)
			DAMANSARA DAMAI, PJU 10/1(JUMAAT)
MBPJ	ADUN KOTA DAMANSARA Y.B PUAN HALIMATON SADIAH BINTI BOHAN	PASAR MALAM	LEMBAH SUBANG, PUTERA DAMAI (SELASA)
			SEKSYEN 3, KOTA DAMANSARA (JUMAAT)
MBPJ	ADUN DAMANSARA UTAMA Y.B CIK YEO BEE YIN	PASAR MALAM	JALAN SS2/60, SS2/61 & SS2/63 (ISNIN)
			JALAN SS4C, KELANA JAYA
			JALAN SS2/6, SS2/10 CHOW YANG(KHAMIS)
			JALAN SS24/8, TAMAN MEGAH(AHAD)
			KAMPUNG CEMPAKA, JALAN PJU 1(RABU)
MBPJ	ADUN KG. TUNKU Y.B TUAN LAU WENG SAN	PASAR MALAM	SUNGAI WAY, JALAN SS 3/39(ISNIN)
			JALAN SS 3/29, JALAN SS 3/64(SELASA)
			SEKSYEN 20/16(AHAD)
MBPJ	ADUN TAMAN MEDAN Y.B PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA	PASAR MALAM	TAMAN SRI MANJA , PJS 3/36(SELASA)
			TAMAN MEDAN, JALAN 9(RABU)
			TAMAN DATO HARUN (KHAMIS)
			TAMAN MEDAN, JALAN 9(AHAD)
MBPJ	ADUN SERI SETIA Y.B TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD	PASAR MALAM	PJS 6, KG LINDUNGAN(ISNIN)
			PJS 8/4, SUNWAY MENTARI(RABU)
			SS 5A FAM, KELANA JAYA(SABTU)
			TAMAN MEDAN(AHAD)
			PJS10/32, FARLIM(AHAD)
MBPJ	ADUN BUKIT GASING Y.B TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN	PASAR MALAM	SEKSYEN 17/1A(SELASA)
			SEKSYEN 5, PETALING GARDEN(RABU)
			SEKSYEN 51A, KG BAIDURI(JUMAAT)

Lampiran 3 (MPK)

Senarai Kawasan Pasar Malam

Bil	Lokasi	Hari	DUN
1	Jalan Hulubalang, Tmn Sentosa, Klang	Jumaat	Seri Andalas
2	Jalan Dato' Dagang 40, Taman Sri Sentosa	Rabu	Seri Andalas
3	Taman Klang Jaya	Ahad	Seri Andalas
4	Taman Setia, Johan Setia	Rabu	Seri Muda
5	Dataran Era Bandar Putera, Klang	Ahad	Seri Muda
6	Jalan Kluang	Ahad	Sungai Pinang
7	Jalan Gudang Nenas, Klang	Sabtu	Sungai Pinang
8	Lebuh Enggang, Taman Eng Ann	Isnin	Sungai Pinang
9	Batu 8, Kg. Bukit Kapar	Selasa	Meru
10	Jalan Raja Mokhtar	Jumaat	Sementa
11	Jalan Susur, Jalan Dato' Tahir Manan, Tmn Intan Kapar	Selasa	Sementa
12	Lorong Seri Kerayong 9, Taman Seri Kerayong, Kapar	Selasa	Sementa
13	Batu 12, Jalan Kapar, Tok Muda	Isnin	Sementa
14	Kampung Delek, Klang	Jumaat	Selat Klang
15	Taman Wangi	Khamis	Selat Klang

Bil	Lokasi	Hari	DUN
16	Jalan Sungai Bertek	Jumaat	Selat Klang
17	Pangsapuri Sri Perantau	Isnin	Selat Klang
18	Simpang Empat, Sungai Udang, Klang	Ahad	Selat Klang
19	Bandar Sultan Sulaiman, Pel. Klang	Isnin	Sementa
20	Kelompok Camar, Bdr Sultan Suleiman, Pel. Klang	Khamis	Sementa
21	Jalan Pelasari, Tmn Chi Liung, Klang	Rabu	Kota Alam Shah
22	Lorong Jelutong, Tmn Selatan, Klang	Sabtu	Kota Alam Shah
23	Jalan Jambu Bol/Mengkuang, Klang	Selasa	Kota Alam Shah
24	Flat Sri Bayu, Bayu Perdana	Sabtu	Kota Alam Shah
25	Pandamaran Jaya, Pel. Klang	Khamis	Pelabuhan Klang
26	Taman Pendamar Indah, Pel. Klang	Selasa	Pelabuhan Klang
27	Kg. Nelayan Telok Gong	Sabtu	Pelabuhan Klang
28	Jalan Tengah Kastam, Pel. Klang	Rabu	Pandamaran
29	Jalan Mesra, Tmn Chi Liung	Isnin	Pandamaran
30	Jalan Petola, Kg. Raja Uda, Pel. Klang	Khamis	Pandamaran
31	Taman Kandis Permai	Isnin	Seri Andalas

Bil	Lokasi	Hari	DUN
32	Jalan Tun Sambathan, Taman Sri Andalas	Sabtu	Seri Andalas
33	Jalan Sri Sarawak 14, Tmn Sri Andalas	Selasa	Seri Andalas
34	Taman Maznah	Jumaat	Seri Andalas
35	Jalan Penghulu Abu Bakar	Selasa	Seri Andalas
36	Taman Bunga Melor	Isnin	Meru
37	Lorong Angsa, Taman Berkeley	Selasa	Batu Tiga
38	Jalan Landasan, Jln Bkt Kuda Klang	Ahad	Kota Anggerik
39	Jalan Kedah	Khamis	Meru
40	Jalan Teruntum	Ahad	Meru
41	Taman Sri Pekan	Jumaat	Meru
42	Kg.Sg. Pinang, Lorong Hj. Umar, Pulau Indah	Ahad	Pelabuhan Klang
43	Taman Kem, Pel. Klang	Khamis	Pelabuhan Klang
44	Kota Pendamar, Telok Gong	Rabu	Pelabuhan Klang
45	Kg. Telok Nipah, Pulau Indah	Sabtu	Pelabuhan Klang
46	Kg. Perigi Nenas, Pulau Indah	Khamis	Pelabuhan Klang
47	Bandar Armada Putra, Pulau Indah	Selasa	Pelabuhan Klang
48	Kg. Rantau Panjang/ Jalan Musran	Jumaat	Sungai Pinang

Bil	Lokasi	Hari	DUN
49	Kg. Bt 4, Jalan Kapar	Isnin	Sementa
50	Taman Klang Perdana	Selasa	Sementa
51	Taman Klang Utama	Khamis	Sementa
52	Taman Cempakasari	Rabu	Sementa
53	Jalan Pengasah 4, Bt. 3 1/2, Jalan Kapar	Ahad	Sementa
54	Taman Meru Indah	Rabu	Meru
55	Taman Meru 4	Sabtu	Meru
56	Taman Dato' Bandar(Meru Selatan)	Isnin	Meru
57	Kg. Meru (Jln Paip)	Ahad	Meru

Senarai Kawasan Pasar Pagi

Bil	Lokasi	Hari	DUN
1	Taman Setia, Johan Setia	Ahad	Seri Muda
2	Jalan Sri Sarawak 18, Taman Sri Andalas	Ahad	Seri Andalas
3	Jalan Penghulu Abu Bakar	Ahad	Seri Andalas
4	Lorong Kawasari 4, Tmn Eng Ann, Klang	Ahad	Kota Anggerik
5	Kg. Meru (Jalan Paip)	Jumaat	Meru
6	Jalan Khoo Khek Kheng, Kapar	Sabtu	Meru
7	Jalan Seruling, Taman Klang Jaya	Setiap Hari	Seri Andalas
8	Lorong Sepat, Telok Pulau	Setiap Hari	Selat Klang
9	Taman Chi Liung	Setiap Hari	Kota Alam Shah
10	Flat Taman Chi Liung	Setiap Hari	Pelabuhan Klang
11	Lorong Sg. Puloh 13	Setiap Hari	Sementa
12	Jalan Papan, Pandamaran	Setiap Hari	Pandamaran
13	Lorong Kawasari 4, Tmn Eng Ann, Klang	Setiap Hari	Kota Anggerik
14	Jalan Kedah	Setiap Hari	Meru
15	Lintang Dato' Tahir 1	Setiap Hari	Meru

Senarai Kawasan Pasar Malam/Pagi (FAMA)

Bil	Kategori	Lokasi	HARI	DUN
1	Pasar Pagi	Pasar Tani Bandar Botanik Klang	Sabtu	Pelabuhan Klang
2	Pasar Pagi	Kampung Raja Uda	Ahad	Pandamaran
3	Pasar Pagi	Jalan Sri Sarawak 18, Taman Sri Andalas	Sabtu	Seri Andalas
4	Pasar Pagi	Taman Sg. Kapar Indah	Sabtu	Sementa

Lampiran 4 (MPAJ)

PBT	DUN	Jenis Tapak (Usahawan, Bazar, Pasar Malam Dan Uptown)	Lokasi
MPAJ	Hulu Kelang	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Zon Penjaja ➤ Carbootsales ➤ Pasar Pagi ➤ Pasar Malam ➤ Bot ➤ Gerai Upen ➤ Gerai Statik ➤ Kiosk ➤ Pasar Tani 	<p>Taman Permata (Hadapan Giant)</p> <p>Taman Melawati Jln Bandar 4</p> <p>Ampang Jaya</p> <p>Keramat Au5 – Jln Au5c/15 Keramat Au3 Keramat Permai Ukay Perdana Keramat Au4 Taman Melawati</p> <p>Keramat Permai</p> <p>Jalan Enggang 14 Jalan Au3/1 Jalan Au3/7 Jalan J9, Taman Melawati</p> <p>Keramat Permai</p> <p>Taman Melawati Ukay Perdana</p> <p>Taman Melawati</p>
	Bukit Antarabangsa	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Zon Penjaja ➤ Carbootsales ➤ Pasar Pagi ➤ Pasar Malam 	<p>Ukay Perdana – Jalan Up 1/8</p> <p>Jalan Kelab Ukay</p> <p>Ampang Jaya</p> <p>Taman Melawati</p>

PBT	DUN	Jenis Tapak (Usahawan, Bazar, Pasar Malam Dan Uptown)	Lokasi
		<ul style="list-style-type: none"> ➤ Bot ➤ Pasar Tani ➤ Gerai Statik 	<p>Ampang Mewah</p> <p>Taman Dato' Ahmad Razali</p> <p>Jalan Kolam Air Lama</p>
	Lembah Jaya	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Zon Penjaja ➤ Baazar ➤ Pasar Pagi ➤ Pasar Malam ➤ Bot ➤ Gerai Upen ➤ Gerai Statik ➤ Kiosk ➤ Plb 	<p>Bkt Indah – Jln Bkt Indah 5</p> <p>Lembah Jaya – Jln Lembah Jaya Selatan</p> <p>Baazar Hijrah – Jln Wawasan 2/5 Bdr Baru Ampang</p> <p>Kg Dato' Mufti Taman Watan</p> <p>Lembah Jaya Bandar Baru Ampang Taman Sri Watan Ampang Mewah Ampang Indah Desa Lembah Permai Lembah Jaya Flat</p> <p>Bandar Baru Ampang</p> <p>Bukit Indah</p> <p>Bukit Indah Jalan 1 Ampang Jaya</p> <p>Taman Kosas</p> <p>Taman Tasik Tambahan Taman Sri Baru Taman Tasik Permai Permai D Kg Tasik Tambahan Jalan Utama Lembah Jaya 10 A, Lembah Jaya Selatan</p>

PBT	DUN	Jenis Tapak (Usahawan, Bazar, Pasar Malam Dan Uptown)	Lokasi
	Teratai	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Zon Penjaja ➤ Pasar Pagi ➤ Pasar Malam ➤ Bot ➤ Gerai Upen ➤ Gerai Statik 	<p>Pandan Perdana – Jln Pandan Perdana 4/5</p> <p>Taman Muda Tapak Ekspo Taman Putra Pandan Perdana</p> <p>Kg Cheras Baru Pandan Mewah Taman Maju Jaya Tasik Tambahan Taman Seraya Taman Muda</p> <p>Taman Muda Pandan Perdana</p> <p>Taman Putra Taman Melur</p> <p>Taman Putra</p>
	Cempaka	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Zoning/Penempatan Sementara ➤ Pasar Pagi ➤ Pasar Malam ➤ Bot ➤ Gerai Upen 	<p><u>Pandan Indah</u> Jln Padan Indah 1/25 Jln Pandan Mewah Jln Padan Indah 4/1 Jln Padan Indah 3/3b Jln Kencana 15 Jln Pandan Muhibbah</p> <p>Sri Inai</p> <p>Cahaya Indah Pandan Jaya Pandan Indah Taman Dagang</p> <p>Lembah Maju Pandan Cahaya</p> <p>Jalan 8/8 Pandan Jaya Lrt Pandan Jaya</p>

PBT	DUN	Jenis Tapak (Usahawan, Bazar, Pasar Malam Dan Uptown)	Lokasi
		<ul style="list-style-type: none"> ➤ Gerai Statik ➤ Plb ➤ Pasar Tani 	<p>Fasa 2b Pandan Indah 3/2 Pandan Indah</p> <p>3/10 Pandan Indah Jalan A, Kg Pandan Jalan F, Kg Pandan</p> <p>Kg. Pandan</p>

SENARAI LOKASI BAZAR MALAM (UPTOWN)

1. Dun Kajang (N25) Y.B. Datuk Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail

BIL	BAZAR MALAM	HARI OPERASI	CATATAN
1.	Bazaar Malam Reko Sentral	Selasa Hingga Ahad	Setahun

2. Dun Bangi (N26) Y.B. Tuan Mohd Shafie Bin Ngah

BIL	BAZAR MALAM	HARI OPERASI	CATATAN
1.	Bazaar Malam Taman Putra Kajang	Jumaat Dan Sabtu	Tempoh Percubaan 6 Bulan Oktober 2016 Hingga Mac 2017

3. Dun Semenyih (N24) Tuan haji Hamidi Bin Abu Hassan

BIL	BAZAAR MALAM	HARI OPERASI	CATATAN
1.	Bazar Malam Taman Pelangi Semenyih	Jumaat Dan Sabtu	Tempoh Percubaan 6 Bulan Mei 2016 Hingga Oktober 2016

SENARAI LOKASI PASAR MALAM

1. DUN Kajang (N25) Y.B. Datuk Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail Kawasan Kajang

BIL.	PASAR MALAM	HARI OPERASI
1.	Tmn. KajangUtama	Ahad / Rabu
2.	Tmn. Bukit Mewah	Ahad
3.	Desa Jenaris	Ahad
4.	Tmn. Setia Sg. Chua	Isnin
5.	Hentian Kajang	Isnin / Jumaat
6.	Tmn. Asa Jaya	Rabu
7.	Tmn. Jasmin	Khamis
8.	Kg. Baru Sg. Chua	Khamis
9.	Prima Saujana	Khamis
10.	Tmn. Sri Langat	Selasa
11.	Taman Delima	Sabtu
12.	Sg. Jelok	Jumaat
13.	Taman Kenari, Kajang	Ahad
14.	Taman Kajang Perdana	Selasa

2. Dun Semenyih (N24) Tuan haji Hamidi Bin Abu Hassan Kawasan Semenyih

BIL.	PASAR MALAM	HARI OPERASI
1.	Sek. 1 Bandar Tek. Kajang Sek. 3 Bandar Tek. Kajang	Isnin Khamis
2.	Sek. 1 Bandar Tek. Kajang	Sabtu
3.	Bandar Rinching	Isnin

BIL.	PASAR MALAM	HARI OPERASI
4.	Taman Paling Jaya	Rabu
5.	Pekan Semenyih	Sabtu
6.	Taman Pelangi Semenyih	Ahad

Kawasan Beranang

BIL.	PASAR MALAM	HARI OPERASI
1.	Bandar Tasik Kesuma	Isnin/ Khamis

3. Dun Bangi (N26) Y.B. Tuan Mohd Shafie Bin Ngah Kawasan Bangi

BIL.	PASAR MALAM	HARI OPERASI
1.	Sek. 7, B.B.Bangi	Khamis
2.	Sek. 16, Bdr. Baru Bangi	Sabtu / Selasa
3.	Sek. 4, Bdr. Baru Bangi	Rabu / Jumaat
4.	Pekan Bangi	Khamis
5.	Bandar Seri Putra	Sabtu / Selasa
6.	Sek. 9, Tmn Ind. Kecil & Sederhana B.B. Bangi	Rabu
7.	Bdr. Bukit Mahkota, Bangi	Jumaat

4. Dun Dusun Tua (N23) Y.B. Tuan Haji Razaly Bin Hassan Kawasan Langat

BIL.	PASAR MALAM	HARI OPERASI
1.	Taman Seri Nanding	Jumaat
2.	Sungai Serai Hulu Langat	Rabu / Ahad

Kawasan Cheras Kanan

BIL.	PASAR MALAM	HARI OPERASI
1.	Taman Rakan Batu 12	Isnin
2.	Taman Suntex Batu 9, Cheras	Ahad
3.	Taman Cuepacs Batu 8	Selasa
4.	Taman Koop Cuepacs Batu 12	Selasa
5.	Bandar Sungai Long	Selasa
6.	Taman Segar Perdana	Ahad
7.	Bandar Mahkota Cheras Jalan Laksamana	Sabtu

5. Dun Balakong (N27) Y.B. Tuan Ng Tien Chee Kawasan Cheras Kiri

BIL.	PASAR MALAM	HARI OPERASI
1.	Tmn. Taming Jaya	Isnin / Sabtu
2.	Tmn. Tun Perak	Selasa
3.	Tmn. Impian Ehsan	Selasa / Khamis
4.	Tmn. Cheras Perdana	Rabu
5.	Tmn. Desa Serdang	Rabu
6.	Tmn. Damai Perdana	Rabu
7.	Tmn. Megah	Khamis
8.	Tmn. Indah Bt 11, Cheras	Jumaat
9.	Tmn. Cheras Jaya	Rabu / Ahad
10.	Taman Harmoni Indah, Bukit Belimbing Balakong	Rabu / Jumaat

(Sumber daripada Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HARUMAINI BIN HAJI OMAR
(N07 BATANG KALI)**

TAJUK : PROJEK MARRIS DI DUN BATANG KALI

147. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah pihak YB ADUN boleh dilibatkan di dalam soal pengesahan penilaian siap kerja kerana terdapat aduan daripada orang awam yang diterima oleh YB ADUN mengenai ada projek yang bermasalah?

JAWAPAN:

- a) Dalam urusan Pentadbir Kontrak Perolehan Kerajaan, Pegawai Penguasa/ Pengarah Projek (PP) adalah pegawai yang bertanggungjawab untuk menyelia dan mengarah pelaksanaan kerja secara keseluruhan. Pegawai Penguasa/ Pengarah Projek ini merupakan sorang pegawai teknikal yang dilantik di kalangan penjawat awam di dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional.

Apabila pada pendapat PP kontraktor telah menyiapkan kerja menurut peruntukan Kontrak, maka PP adalah bertanggungjawab untuk mengeluarkan Perakuan Siap Kerja dengan syarat memenuhi syarat-syarat berikut:

- i. Kerja telah disiapkan menurut terma-terma dan syarat-syarat Kontrak;
- ii. Kerajaan boleh mendapat penggunaan yang penuh dan dengan sewajarnya dan mendapat manfaat berhubung dengan tujuan kerja dilaksanakan meskipun masih terdapat baki kerja yang sangat kecil sifatnya yang perlu dilaksanakan dengan syarat ia tidak menghalang atau mengurangkan penggunaan yang penuh, dengan wajar dan mendapat manfaat;
- iii. Kerja telah lulus ujian pentauliahan menurut peruntukan Kontrak;
- iv. Kerja telah disiapkan dan diserahkan kepada Kerajaan agar ia adalah sesuai untuk penghunian/digunakan.

Setelah perakuan siap kerja dikeluarkan oleh PP, Tempoh Tanggungan Kecacatan akan bermula. Tempoh Tanggungan Kecacatan ini berakhir berdasarkan tempoh yang ditetapkan di dalam Kontrak. Sekiranya timbul masalah/terdapat kecacatan terhadap sesuatu kerja/ projek, PP boleh mengarahkan kontraktor untuk memperbaiki kecacatan tersebut dalam tempoh yang munasabah sebagaimana yang ditetapkan oleh PP.

Sekiranya kontraktor gagal membaiki kecacatan setelah diarahkan oleh PP, maka PP bagi pihak Kerajaan berhak untuk melantik kontraktor yang berasingan untuk membaiki kos kecacatan tersebut. Apa-apa kos yang ditanggung oleh Kerajaan berikutnya hendaklah ditanggung oleh kontraktor asal projek sama ada memotong daripada baki wang yang hendak dipulangkan kepada kontraktor asal tersebut atau daripada bon pelaksanaan.

Oleh yang demikian, orang awam boleh segera membuat aduan rasmi kepada PP bagi sesuatu projek sekiranya didapati kerja atau projek tersebut mempunyai kecacatan untuk diambil tindakan pembetulan segera.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI
(N12 JERAM)**

TAJUK : PEMBANGUNAN BELIA

148. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah peranan Kerajaan Negeri untuk belia luar bandar khususnya belia DUN Jeram dalam sektor peluang pekerjaan di bawah Kerajaan Negeri?
- b) Bolehkah Kerajaan Negeri menaikkan peruntukan dan elaun untuk PeBT yang dilantik di setiap kawasan dalam Negeri Selangor?
- c) Apakah peranan Kerajaan Negeri dalam mewujudkan kontraktor di kalangan belia?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri sentiasa prihatin dan mengambil maklum untuk menambah baik keadaan ekonomi anak muda termasuk meningkatkan peluang pekerjaan kepada golongan belia khususnya belia di DUN Jeram berikutan taraf hidup yang semakin meningkat dan pembangunan belia perlu dititikberatkan terutamanya dari segi pekerjaan dan pendapatan untuk memastikan pembangunan Negeri yang mampan.

Antara langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri adalah dengan meningkatkan pelbagai program pembangunan ekonomi belia sebagaimana berikut:-

- i. Program Karnival Kerjaya - Selangor *Job Fair* ;
 - ii. Kursus/Latihan di bawah Jawatankuasa Tetap Modal Insan;
 - iii. Pendidikan Kemahiran dan Vokasional ;
 - iv. Program Latihan Rangsangan Kerjaya Rakyat Selangor (RKRS)
 - v. Lain-lain Program di bawah agensi ;
-
- i. **Program Karnival Kerjaya - Selangor Job Fair**
Kerajaan Negeri di bawah Jawatankuasa Tetap Pembangunan Modal Insan telah menganjurkan program Karnival Kerjaya (*Job Fair*) secara berkala (2 kali setahun). Program ini dianjurkan dengan kerjasama Jabatan Tenaga Kerja Selangor (JTK) dan Jobs Malaysia bermula pada tahun 2014.

Program Selangor Mega *Job Fair* pada awal tahun 2019 adalah program berskala mega yang julung kali dianjurkan. Ia melibatkan sebanyak 180 syarikat swasta terpilih yang mengadakan temuduga terbuka (*walk in interview*). Sebanyak 180 majikan dan 20 Agensi /Jabatan Kerajaan terlibat. Daripada jumlah itu, lebih 12,000 peluang telah ditawarkan termasuklah 20 majikan yang turut menawarkan peluang pekerjaan kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU) pada hari tersebut.

Hampir 20,000 pengunjung mendapat manfaat melalui program ini. Jumlah permohonan yang berjaya mendapatkan tawaran pekerjaan pada hari tersebut ialah seramai 237 orang dan seramai 3,482 orang pemohon telah berjaya menghadiri temuduga ke 2. Program yang dilaksanakan ini telah berjaya melibatkan pemohon berdaftar seramai 25,199 orang yang mana seramai 15,623 orang telah berjaya untuk ditemuduga. Daripada jumlah calon yang telah ditemuduga tersebut, seramai 4,790 orang telah berjaya mendapat pekerjaan.

Program ini juga merupakan salah satu inisiatif Kerajaan Negeri Selangor untuk mengurangkan kadar pengangguran. Ia turut membantu syarikat-syarikat yang memerlukan tenaga kerja dengan mengutamakan penglibatan warga tempatan berbanding warga asing.

ii. Kursus/Latihan di bawah Jawatankuasa Tetap Modal Insan

Program latihan ini turut menekankan konsep *hands holding* di mana setiap langkah dalam dunia usahawan akan diberikan panduan teliti. Untuk rekod, program ini telah berjaya melahirkan beberapa usahawan muda berjaya.

iii. Pendidikan Kemahiran dan Vokasional

Menyediakan pendidikan kemahiran dan vokasional di Kolej INPENS dengan yuran yang berpatutan untuk belia yang kurang berkemampuan namun ingin meneruskan pembelajaran walaupun tidak mempunyai latar belakang pendidikan yang cemerlang. Inisiatif Kerajaan Negeri Selangor ini telah menyediakan peluang pendidikan kemahiran dan vokasional yang dibiayai berdasarkan kelayakan pemohon.

iv. Program Latihan Rangsangan Kerjaya Rakyat Selangor (RKRS)

Program Latihan Rangsangan Kerjaya Rakyat Selangor (RKRS) iaitu sebuah program latihan keusahawanan melalui kursus dalam bidang - bidang seperti berikut:

- Kursus Keusahawanan Penternakan (Ruminan & Unggas)
- Kursus Pemantapan Pemantauan Keusahawanan

- Kursus Percetakan Segera Pentauliahahan Sijil SKM Tahap 3: Peserta Urutan Selepas Bersalin
- Kursus Keusahawanan Penternakan
- (Makanan ternakan dan Rancangan Perniagaan)
- Kursus *Soft Skills* Usahawan Penternakan & Pengurusan Kewangan (*Online*)
- Kursus Keusahawanan Penternakan (Sembelihan Halal & Penyediaan Makanan (BBQ)
 - *Mobile Service Aircond*
 - Cuci Kasut
 - *Mobile Barber*
 - Ayam Gunting
 - Terapi Bekam
 - Bakeri
 - *Mobile Spa*
 - Dekorasi Pelamin
 - Kiosk Sate

Program ini yang diberikan secara percuma merangkumi beberapa kategori peserta iaitu belia, suri rumah, pesara dan ibu tunggal. Daripada tahun 2011 hingga 2018, terdapat 3,248 orang peserta telah terpilih untuk menyertai Program Latihan Rangsangan Kerjaya Rakyat Selangor (RKRS). Daripada jumlah tersebut, seramai 2,436 orang peserta (75%) telah berjaya menjana pendapatan melalui program tersebut. Purata pendapatan bulanan mencatatkan jumlah tertinggi untuk julat pendapatan antara RM500 - RM2,000 sebulan melalui 1,712 orang peserta (52.71%).

v. Lain-lain Program di bawah agensi

a) Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)

• **Program Perintis Usahawan (PPU)**

Program Perintis Usahawan ini telah mula dilaksanakan pada tahun 2007 dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (dulu dikenali sebagai Jabatan Pelajaran Negeri Selangor). Objektif program ini adalah untuk memupuk semangat keusahawanan dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah rendah. Enam (6) buah sekolah rendah telah terlibat sejak dimulakan pada tahun 2007.

- **Program Tunas Niaga (PROTUNe)**

Dalam membudayakan usahawan muda yang berjaya dan berpengetahuan, Program Tunas Niaga (PROTUNe) telah diperkenalkan di Negeri Selangor pada tahun 1998 oleh Kementerian Pembangunan Usahawan & Koperasi (MECD).

- **Program Usahawan Siswazah (GROW)**

Program Usahawan telah dilaksanakan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor sejak tahun 2003 dengan memberi fokus kepada latihan dan pembudayaan yang mensasarkan mahasiswa di lapan (8) institusi-institusi pengajian tinggi seperti berikut:

- i. Universiti Teknologi Mara (UiTM);
- ii. Universiti Putra Malaysia (UPM);
- iii. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM);
- iv. Universiti Industri Selangor (UNISEL);
- v. INSPENS International College;
- vi. Kolej Universiti Selangor (KUIS);
- vii. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM); dan
- viii. City University (City U)

ix. **Program di bawah Jawatankuasa Tetap Infrastruktur & Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani**

Kerajaan Negeri telah melaksanakan pelbagai Program untuk Generasi Muda yang berminat menceburi sektor pertanian sebagaimana berikut:-

- a) Program Agro Muda Selangor (AMSEL);
- b) Program Bantuan Peralatan Pertanian;
- c) Kursus dan Seminar kepada Generasi Muda; dan
- d) Pembukaan Tanah Pertanian

- b) Kerajaan Negeri telah menubuhkan Penggerak Belia Tempatan bermula pada tahun 2009 sebagai agen penggerak kepada pembangunan Negeri dengan jumlah keseluruhan peruntukan adalah sebanyak RM2,764,800.00. Justeru itu buat masa ini, Kerajaan Negeri masih mengekalkan peruntukan program Penggerak Belia Tempatan (PeBT) seperti tahun-tahun sebelum ini di mana setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan diperuntukkan sebanyak RM120,000.00 yang menjadikan jumlah keseluruhan peruntukan program adalah sebanyak RM1,440,000.00 untuk semua PBT bagi menjalankan program-program PeBT yang telah dirancang.

Untuk makluman, peruntukan tersebut akan disalurkan kepada PBT di mana PBT dikehendaki untuk memantau dan merancang pelaksanaan program PeBT masing-masing untuk memastikan pelaksanaan program adalah sebagaimana yang telah dirancang. Di samping itu, PeBT juga boleh melaksanakan program-program PeBT secara gabungan dengan zon-zon yang lain bagi mendapatkan impak program yang lebih berkesan dan mendapat sambutan daripada masyarakat setempat.

Seterusnya, peruntukan elaun Penggerak Belia Tempatan (PeBT) juga masih dikekalkan iaitu sebanyak RM500.00 sebulan untuk elaun Pengerusi Induk PeBT dan RM400.00 sebulan untuk elaun Pengerusi PeBT yang menjadikan jumlah keseluruhan peruntukan elaun adalah sebanyak RM1,324,800.00.

c) Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) melalui Bahagian Pembangunan Usahawan (BPU) PKNS terus komited dalam melahirkan usahawan kontraktor Bumiputera melalui Program Pemantapan sebagaimana berikut:

- i. Program Vendor Inkubator Payung (VIP); dan
- ii. Program Sub kontraktor Bumiputera (SKB) PKNS.

1. **Program Vendor Inkubator Payung (VIP) PKNS**

Program ini merupakan sebuah usaha pembangunan yang tersusun dan terancang bagi melahirkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera yang kompeten di dalam membekalkan bahan binaan dan perkhidmatan yang berkaitan dengan industri pembangunan hartanah melalui penglibatan mereka di dalam projek-projek hartanah PKNS.

Antara senarai produk vendor yang berdaftar di bawah program VIP PKNS sebagaimana berikut :-

- i. Bingkai Kayu & Tingkap
- ii. Kawalan Serangga
- iii. Pintu Kayu
- iv. Kekuda Bumbung

Objektif Program

- i. Membangunkan keupayaan dan kompetensi vendor bumiputera (pengilang) sebagai pembekal bahan binaan yang mempunyai daya saing yang tinggi di dalam industri hartanah;
- ii. Membantu vendor bumiputera untuk membangunkan produk bahan binaan yang berkualiti tinggi melalui amalan pengilangan dan bekalan yang terbaik; dan

- iii. Membantu pengembangan perniagaan vendor bumiputera melalui pewujudan saluran dan jaringan perniagaan dengan entiti lain di dalam pasaran.

Pencapaian

- Bagi tempoh 23 tahun iaitu dari tahun 1996 sehingga 2019, PKNS telah menggunakan produk-produk bahan binaan keluaran syarikat yang berdaftar di bawah program VIP PKNS di dalam projek-projek pembinaan PKNS dengan nilai sebanyak RM 154 juta.

2. Program Sub Kontraktor Bumiputera (SKB) PKNS

Program ini merupakan sebuah usaha pembangunan yang tersusun dan terancang bagi melahirkan sub-kontraktor bumiputera yang kompeten di dalam melakukan kerja-kerja kontrak dan perkhidmatan yang berkaitan dengan industri pembangunan hartanah melalui penglibatan mereka di dalam projek-projek hartanah PKNS. Peruntukan kerja SKB bagi sesuatu projek adalah 10 peratus dari jumlah kontrak bagi kerja luaran bangunan tertumpu kepada bidang sivil, elektrik dan landskap.

Objektif Program

- i. Menjadi salah satu platform berstruktur untuk meningkatkan kualiti kerja-kerja kontrak oleh kontraktor;
- ii. Mewujudkan kontraktor binaan yang pakar dan mahir dalam kerja-kerja kontrak ;
- iii. Membuka peluang untuk kontraktor bumiputera meningkatkan keupayaan mereka bagi memastikan ruang penglibatan yang lebih tinggi di dalam industri ini; dan
- iv. Membantu perkembangan kontraktor dari kelas kecil ke kelas besar melalui proses peningkatan atau penggabungan

Pencapaian

- Bagi tempoh 15 tahun iaitu dari tahun 2003 sehingga 2017, PKNS telah menawarkan kerja kepada SKB dengan nilai tawaran kerja sebanyak RM 122 juta dalam pelbagai bidang kerja iaitu sivil, elektrik dan landskap.
- PKNS juga telah berjaya melahirkan syarikat kontraktor yang berkompentensi tinggi dalam melaksanakan kerja-kerja luaran bangunan dalam projek PKNS mahupun di organisasi luar dengan

pencapaian 7 syarikat yang berjaya sebagai syarikat kontraktor dengan gred CIDB G7.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI
(N12 JERAM)**

TAJUK : LALUAN KENDERAAN LORI BERAT DI ATAS JALAN AWAM

149. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mengapakah pemaju membina bangunan atau membangunkan kawasan tanpa membina laluan khas kenderaan lori untuk kerja-kerja pembangunan projek dan menggunakan jalan awam?
- b) Apakah tindakan yang dikenakan terhadap pemaju atau pemandu lori yang membuat kesalahan tersebut?
- c) Apakah ganti rugi yang dikenakan kepada pemandu lori dan pemaju yang merosakkan infra jalan awam dan menyebabkan nyawa keselamatan pengguna jalan raya terancam?

JAWAPAN:

- a) Komponan utama bagi pembangunan adalah mempunyai jalan keluar masuk (*access*) yang berhubung dengan jalan awam bagi memastikan jalan raya dapat dihubungkan bagi setiap pembangunan yang membentuk rangkaian jalan raya. Oleh yang demikian bagi membina laluan khas kenderaan lori bagi kerja-kerja pembangunan projek adalah sukar.

Walau bagaimanapun, PBT telah mensyaratkan kepada pihak pemaju untuk sediakan laluan khas dalam tapak pembinaan dan jika melibatkan jalan awam, pihak pemaju juga perlu menyediakan papan tanda amaran dan kawalan lalulintas yang mencukupi serta mematuhi syarat-syarat pelan lulus dan syarat guna jalan awam daripada PBT.

- b) Antara langkah-langkah yang di ambil oleh PBT bagi pemaju/pemandu yang gagal mematuhi syarat PBT adalah seperti berikut:
 - i) mengeluarkan notis kepada pemaju/pemandu jika gagal patuh syarat kerja yang ditentukan;
 - ii) mengenakan kompaun dibawah Seksyen 39 (1)&(2),40(1), 41(3), 43 , 46, 47(1)(a), 55(1)(b), 70A (1)hingga(9), 71(a)&(b) & 121 (Akta 133) Akta Jalan, Parit & Bangunan jika pemaju/pemandu gagal untuk mematuhi arahan PBT; dan

- iii) menghentikan pembangunan sekiranya didapati pemaju menyalahi pelan lulus ataupun permit.
- c) PBT boleh menggunakan wang cagaran yang diperolehi daripada pemaju untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan jalanraya

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI
(N12 JERAM)**

TAJUK : STESEN BAS

150. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bolehkah saya mohon Kerajaan Negeri untuk membina stesen bas bagi membantu penduduk mendapatkan khidmat pengangkutan bas lebih selesa dan jimat?
- b) Apakah syarat dan faktor untuk Yang Berhormat ADUN mendapatkan pembinaan sebuah stesen bas bagi menyelesaikan masalah penduduk yang memerlukan perkhidmatan tersebut?

JAWAPAN:

- a) Bagi kemudahan stesen bas, pihak pemaju Hill Park ada cadangan untuk membina stesen bas di kawasan Pusat Perdagangan Hillpark. Pihak Majlis akan buat susulan dengan pihak pemaju berkenaan cadangan stesen bas tersebut. Buat masa sekarang pihak Majlis Daerah Kuala Selangor ada menyediakan dua belas buah pondok bas di kawasan Puncak Alam dan lapan buah di Saujana Utama.
- b) Syarat dan faktor untuk mendapatkan pembinaan sebuah stesen bas perlu merujuk kepada cadangan pelan induk yang telah diluluskan berserta dengan sumber kewangan atau peruntukan untuk pembinaan stesen bas. Pada tahun hadapan pihak Majlis Daerah Kuala Selangor juga ada cadangan untuk menambah bilangan pondok bas termasuk di kawasan DUN Jeram untuk memberi kemudahan pengguna bas awam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI
(N12 JERAM)**

TAJUK : BALAI POLIS DAN BALAI BOMBA

151. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah balai polis dan balai bomba dapat dibina di bandar Puncak Alam ini?
- b) Apakah tindakan Kerajaan Negeri terhadap keperluan balai polis di Bandar Puncak Alam?
- c) Apakah tanggungjawab Kerajaan Negeri Terhadap keselamatan penduduk di Puncak Alam yang mencapai purata 90 ribu orang yang tinggal di sini?

JAWAPAN:

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA NEGERI SELANGOR

- a) Jabatan ini telah membuat Permohonan Projek Pembinaan Balai Bomba baru di Kawasan Puncak Alam dalam Rancangan Malaysia ke-Sebelas (RMKe-11) Rolling Plan 5th (RP5) bagi tahun 2020. Tapak yang strategik seluas 3 ekar yang dicadangkan ialah tapak rizab bomba di dalam kawasan tapak projek Eco World yang mana boleh diakses melalui Persiaran Mokhtar Dahari. Tapak ini dipilih dengan mengambil kira jarak dan masa bertindak (*response time*) untuk beberapa kawasan termasuk Bandar Puncak Alam, Bandar Saujana Utama, Taman Industri Alam Jaya dan Bandar Seri Coalfield dalam lingkungan tidak melebihi 10 minit untuk Pihak Bomba sampai ke lokasi kecemasan.

POLIS DIRAJA MALAYSIA NEGERI SELANGOR

- a) Pihak Ibu Pejabat Polis Daerah Sungai Buloh mewakili Ibu Pejabat Polis Kontinjen Selangor telah membuat lawatan tapak cadangan pada 23 Ogos 2019 bersama pihak pemaju Puncak Alam Housing Sdn. Bhd. (PAHSB). Perkara ini telah dikemukakan untuk kajian dan tindakan oleh pihak Bukit Aman. Sehingga kini, belum mendapat keputusan.
- b) Setakat ini tiada tindakan lanjut daripada pihak Kerajaan Negeri berkaitan keperluan Balai Polis di Bandar Puncak Alam.
- c) Dari segi aspek keselamatan penduduk di Puncak Alam, pihak IPD Sungai Buloh telah mengemukakan cadangan dan pandangan berkaitan mewujudkan

Balai Polis Puncak Alam di atas faktor-faktor keselamatan dan kepadatan penduduk.

Di samping itu kenaikan indeks jenayah terutamanya jenayah kekerasan harta benda dan curi semakin menunjukkan peningkatan berdasarkan justifikasi berikut:-

- i. Peningkatan jumlah penduduk di kawasan Bandar Puncak Alam sebanyak 178,000 orang dan dijangka dalam tempoh 10 tahun akan datang meningkat seiring dengan kepesatan pembangunan di kawasan tersebut.
- ii. Peningkatan prasarana seperti kemudahan hospital, penjara, institusi pendidikan, pembangunan, perumahan, perindustrian dan MRT serta pelbagai projek mega yang telah dirancang pada masa hadapan.
- iii. Kebanjiran jumlah pendatang asing (PATI) di kawasan Bandar Puncak Alam yang semakin ramai.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI
(N12 JERAM)**

TAJUK : PEMASANGAN KAWALAN LITAR TERTUTUP (CCTV)

152. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri merancang untuk memasang CCTV di area kawasan panas bagi mengelakkan aktiviti haram berlaku?
- b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri bagi mengurangkan risiko berlakunya jenayah di kawasan yang sedang membangun selain faktor kekurangan anggota polis yang menjaga keselamatan awam?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri juga bercadang untuk melaksanakan *technology refreshment* ke atas 414 unit CCTV sedia ada daripada sistem analog kepada digital. Pihak UPEN sedang bekerjasama dengan Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) SUK dan SSDU untuk memastikan sistem CCTV yang digunakan seiring dengan keperluan semasa.

Menerusi Ucapan Belanjawan Negeri Selangor Tahun 2020 yang telah dibentangkan oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor pada 1 November 2019, Kerajaan Negeri akan menambah jumlah CCTV kepada 5,000 unit di seluruh negeri. CCTV ini akan dilengkapi teknologi *face recognition* dan akan diselia dari *command centre* yang diwujudkan bertujuan untuk menyelaras data bagi tujuan keselamatan.

- b) Bagi memperkasakan keselamatan rakyat Negeri Selangor, Kerajaan Negeri akan bersama-sama Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dalam usaha membanteras jenayah di Negeri Selangor. Kerajaan Negeri akan melaksanakan inisiatif penyerapan skim Penguatkuasa Pihak Berkuasa Tempatan kepada Skim Polis Bantuan mulai tahun 2020. Sebagai inisiatif perintis, usaha ini akan melibatkan seramai 180 anggota dari 9 PBT yang akan dikenalpasti meliputi 2 Majlis Bandaraya, 6 Majlis Perbandaran dan 1 Majlis Daerah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI
(N12 JERAM)**

**TAJUK : PENYERAHAN PENYELENGGARAAN DARIPADA PEMAJU KEPADA
PBT KAWASAN**

153. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan terhadap pemaju kawasan yang tidak membuat serahan penyelenggaraan kepada MDKS terlebih dahulu sebelum kemudahan fasiliti lengkap disiapkan?
- b) Apakah tindakan Kerajaan Negeri bagi pemaju yang gagal siapkan sebuah projek perumahan yang melibatkan nasib penduduk di Bukit Kerayong?

JAWAPAN:

- a) Pihak Majlis Daerah Kuala Selangor telah mengeluarkan surat peringatan kepada pemaju yang terlibat supaya membuat penyerahan kawasan yang melibatkan kemudahan infra dan kemudahan awam di kawasan pemajuan pemaju terlibat setelah tempoh kecacatan enam bulan selepas Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan dikeluarkan. Majlis Daerah Kuala Selangor juga tidak menyokong selagi segala keperluan dari segi keseluruhan pembangunan landskap yang tidak dilaksanakan dengan baik.
- b) Kerajaan Negeri Selangor telah melantik Tetuan Probil Industries (M) Sdn. Bhd. sebagai kontraktor bagi memulihkan/ menyiapkan projek terbengkalai Desa Kerayong Indah.

Namun kontraktor masih belum dapat memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak Kerajaan Negeri Selangor.

MDKS/LPHS masih meneruskan perbincangan dengan pihak kontraktor untuk memulihkan projek terbengkalai ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI
(N12 JERAM)**

TAJUK : PENCAWANG TELCO

154. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah pencawang telco dapat dibina di kawasan kampung tradisi?
- b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri bagi mewujudkan Smart City di Bandar Puncak Alam?

JAWAPAN:

- a) Pembinaan pencawang telco baru di kawasan kampung tradisi adalah bergantung kepada permintaan dan kajian kebolehlaksanaan yang sedang dilakukan. Pihak Kerajaan Negeri Selangor mengalu-alukan kerjasama pintar dan sentiasa akan memudahcarakan interaksi di antara pengusaha dan pembekal perkhidmatan dengan Pihak Berkuasa Tempatan.
- b) Buat masa ini, tiada perancangan khusus untuk mewujudkan Smart City di Bandar Puncak Alam. Walau bagaimanapun, penduduk di Bandar Puncak Alam boleh memuat turun dan menggunakan aplikasi-aplikasi pintar Smart Selangor seperti Smart Selangor Parking (SSP), Selangor Intelligent Transport System (SITS), Communities OnLine (COOL), Citizen Electronic Payment (CEPat), pelaporan jalan berlubang menerusi aplikasi Waze dan pelaporan sampah tidak dikutip menerusi aplikasi i-Clean.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI
(N12 JERAM)**

TAJUK : SEKOLAH

155. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri terhadap keperluan sekolah di Bandar Puncak Alam yang tidak mencukupi?
- b) Apakah tindakan Kerajaan Negeri bagi membantu ADUN untuk kerja baik pulih sekolah yang usang dan rosak?
- c) Apakah bantuan yang diberikan kepada sekolah yang mengalami masalah kewangan bagi menjalankan penyelenggaraan pembersihan sekolah dan menjalankan program atau aktiviti tahunan sekolah?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan maklum balas daripada pihak Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (JPNS) Sekolah di Bandar Puncak Alam terdapat 3 buah Sekolah Kebangsaan iaitu SK Puncak Alam, SK Puncak Alam 2 dan SK Puncak Alam 3 dan terdapat 2 buah Sekolah Menengah Kebangsaan iaitu SMK Puncak Alam dan SMK Puncak Alam 3. Pihak JPNS juga telah memaklumkan bahawa pihak Jabatan telah menerima permohonan pembinaan Sekolah Kebangsaan secara CSR daripada pemaju Paragon Pinnacle Sdn Bhd dan sedang dalam pertimbangan kelulusan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Jika permohonan pembinaan sekolah secara CSR ini diluluskan oleh KPM ia akan membantu menyelesaikan isu kepadatan murid di Puncak Alam. Kos pembinaan secara CSR ini akan ditanggung sepenuhnya oleh pemaju.
- b) Sekolah-sekolah yang berada dalam kawasan negeri Selangor adalah tertakluk di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Pelajaran. Namun yang demikian, atas dasar keprihatinan, Kerajaan Negeri mengambil inisiatif dengan menyediakan sejumlah peruntukan di bawah Projek Bantuan Sekolah melalui Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) Kerajaan Negeri bagi membantu pihak Kerajaan Persekutuan mengendalikan pengoperasian dan pengurusan sekolah-sekolah dalam Negeri Selangor. Pada tahun 2019, sebanyak RM24,000,000.00 telah diperuntukkan di bawah program ini.

Selain daripada itu, ADUN boleh menawarkan bantuan kepada sekolah-sekolah yang memerlukan dengan menggunakan Peruntukan Perkhidmatan

Masyarakat Kategori Projek Kecil bagi kos projek di bawah RM50,000.00 bagi membantu kerja-kerja baik pulih sekolah yang usang dan rosak.

- c) Pada masa ini bantuan penyelenggaraan di bawah Kerajaan Negeri hanya disediakan untuk Sekolah Agama Rakyat, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, Sekolah Mubaligh, Sekolah Menengah Persendirian Cina dan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan. Bantuan dana bagi pelaksanaan aktiviti dan program tahunan tidak disediakan. Namun begitu, Kerajaan Negeri amat menggalakkan penganjuran program dilaksanakan secara kerjasama dengan Kerajaan Negeri dan pelaksanaannya adalah peringkat daerah atau peringkat negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI
(N12 JERAM)**

**TAJUK : PENYUSUNAN SEMULA SEMPADAN PBT DAN PEJABAT TANAH DAN
GALIAN**

156. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bila dan bagaimana Kerajaan Negeri mengambil inisiatif untuk mempercepatkan proses penyusunan semula sempadan dan Pejabat Tanah dan Galian yang tidak sama dan mengelirukan masyarakat untuk mendapatkan khidmat bantuan dari ADUN kawasan?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN
(N13 KUANG)**

TAJUK : JUMLAH SUMBANGAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

157. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah keseluruhan sumbangan anak syarikat Kerajaan Negeri kepada pendapatan Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Bermula tahun 2019, Kerajaan Negeri telah mengarahkan Anak Syarikat untuk menyumbang pendapatan kepada Kerajaan Negeri. Sehubungan itu, satu tabung amanah telah diwujudkan bagi tujuan tersebut.

Anak-Anak Syarikat Kerajaan Negeri dirancang untuk menyumbang sebanyak RM58.65 juta sebagai sumbangan pendapatan Kerajaan Negeri.

Setakat Oktober 2019, sejumlah RM36.55 juta telah disumbangkan. Senarai sumbangan kepada Kerajaan Negeri adalah seperti berikut:-

BIL	AGENSI	JUMLAH SUMBANGAN (RM)
1	Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan)(MBI)	15,000,000.00
2	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	6,600,000.00
3	Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB)	4,500,000.00
4	Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB)	5,000,000.00
5	Kumpulan Perangsang Selangor Berhad (KPSB)	500,000.00
6	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS)	2,800,000.00
7	Worldwide Holdings Berhad (WWHB)	1,500,000.00
8	KDEB Waste Management (KDEBW)	150,000.00
9	Central Spectrum Sdn Bhd	500,000.00
JUMLAH (RM)		36,550,000.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN
(N13 KUANG)**

**TAJUK : RANCANGAN TERHADAP ANAK SYARIKAT KERAJAAN YANG TIDAK
MENGUNTUNGAN**

158. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan Kerajaan terhadap anak syarikat kerajaan yang tidak menguntungkan?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : POPULASI PENDUDUK DI NEGERI SELANGOR

159. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah populasi terkini penduduk dengan pecahan kaum dan peringkat umur mengikut daerah di Negeri Selangor.

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, statistik unjuran penduduk Negeri Selangor mengikut pecahan kaum dan peringkat umur mengikut daerah adalah seperti di Lampiran 1.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : HUTANG NEGERI SELANGOR

160. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah hutang terkini Negeri Selangor.
- b) Nyatakan kaedah pembayaran dan statusnya.
- c) Nyatakan kedudukan kewangan terkini negeri berdasarkan jumlah hutang dan pendapatan.

JAWAPAN:

- a) Jumlah terkini hutang Kerajaan Negeri terhadap Kerajaan Persekutuan sehingga **30 September 2019** adalah berjumlah **RM1,108.06 juta**.

Perinciannya adalah seperti berikut:

- (i) Projek Bekalan Air : RM1,082.41 juta;
 - (ii) Skim Amanah Saham Selangor : RM8.43 juta; dan
 - (iii) Projek Peluasan Zon Perindustrian Bebas Sungai Way, Petaling Jaya Selangor : RM17.22 juta.
- b) Kerajaan Negeri sentiasa komited dalam membuat bayaran balik mengikut jadual yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan.

Perincian bayaran balik pinjaman oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2019 yang berjumlah **RM6,637,082.19** adalah seperti berikut:

- (i) Skim Amanah Saham Selangor : RM1,893,379.46; dan
 - (ii) Projek Peluasan Zon Perindustrian Bebas Sungai Way, Petaling Jaya Selangor : RM4,743,702.73.
- c) Status terkini kewangan Kerajaan Negeri Selangor sehingga 30 September 2019 adalah baik di mana masih terdapat lebih keseluruhan kewangan semasa sebanyak RM52.01 juta dan jumlah Kumpulan Wang Disatukan Negeri adalah sebanyak RM2,240.66 juta. Jumlah pendapatan atau hasil Kerajaan Negeri pada 30 September 2019 adalah sebanyak RM1,806.67 juta manakala jumlah bayaran balik pinjaman oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2019 adalah berjumlah RM6.63 juta. Secara nisbahnya jumlah bayaran balik hutang tahun

2019 berbanding jumlah pendapatan Kerajaan Negeri sehingga 30 September 2019 adalah sebanyak 0.37 peratus.